

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TUAN GOOI HSIAO-LEUNG
[ALOR SETAR]
TARIKH :
SOALAN :**

YB Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan keberkesanan pelaksanaan program "*Lean Healthcare Management*" untuk mengatasi masalah kelewatan pesakit kategori hijau (tidak tenat) berjumpa doktor di Jabatan Kecemasan Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar.

Tuan Yang di-Pertua,

Hospital Sultanah Bahiyah (HSB) Alor Setar merupakan hospital rujukan utama di Negeri Kedah dengan jumlah kedatangan pesakit ke Jabatan Kecemasan pada tahun 2014 adalah sebanyak 142,686 orang. Purata kedatangan pesakit ke Jabatan Kecemasan Hospital Sultanah Bahiyah pada setiap hari adalah sebanyak 350 hingga 430 orang, yang mana 76% daripadanya adalah pesakit kategori hijau (tidak kritikal).

Inisiatif *Lean Healthcare* di Hospital Sultanah Bahiyah telah bermula sejak tahun 2015 yang melibatkan Jabatan Kecemasan & Trauma dan Wad Perubatan. Untuk Jabatan Kecemasan & Trauma, inisiatif ini memfokuskan kepada proses penambahbaikan di Zon Hijau (tidak kritikal) dalam mengurangkan masa menunggu pesakit untuk berjumpa doktor. Selepas berakhirnya fasa pertama pelaksanaan inisiatif tersebut, Hospital Sultanah Bahiyah telah menunjukkan pencapaian yang signifikan dalam petunjuk prestasi yang diukur, iaitu pengurangan masa menunggu pesakit untuk berjumpa doktor dari purata 198 minit kepada 90 minit, menurun sebanyak 54.5%. Manakala purata masa keseluruhan pesakit berada di Jabatan Kecemasan & Trauma juga dapat dikurangkan dari 420 minit kepada 210 minit, iaitu penambahbaikan sebanyak 50%. Bagi masa menunggu pesakit untuk dimasukkan ke wad dari Jabatan Kecemasan & Trauma pula, ia dapat dikurangkan sebanyak 66%, iaitu dari purata 36 jam kepada 12 jam.

Fasa kedua pelaksanaan inisiatif *Lean Healthcare* di Hospital Sultanah Bahiyah yang bermula pada Januari 2016 akan terus melibatkan kedua-dua jabatan tersebut. Fasa kedua ini akan memastikan pencapaian-pencapaian signifikan sebelum ini dapat dikekalkan dan ditambahbaik untuk memberikan perkhidmatan kesihatan yang terbaik kepada rakyat. Selain itu, aspek '*patients experience*' akan dijadikan sebagai tambah nilai di dalam setiap penambahbaikan yang dirancang di mana pengalaman pesakit sepanjang berada di jabatan terlibat akan diberi penekanan demi memastikan perawatan kesihatan yang menyeluruh dapat diberikan.

Inisiatif *Lean Healthcare* merupakan satu proses penambahbaikan yang berterusan. Proses penambahbaikan ini semestinya akan terus dipertingkatkan dari masa ke masa untuk memastikan penyampaian perkhidmatan kesihatan dapat diberikan dengan lebih efisien.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN GOOI HSIAO-
LEUNG [ALOR SETAR]**

SOALAN :

YB Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa jumlah peruntukan khas YAB Perdana Menteri untuk kawasan Parlimen Alor Setar diluluskan untuk pelaksanaan projek-projek oleh Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Kedah dari Mei 2013 sehingga September 2016, dan daripada peruntukan tersebut, nyatakan jumlah permohonan dan kos projek yang dipohon menerusi Ketua Umno Bahagian Alor Setar.

SULIT

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan projek yang dilaksanakan di kawasan Parlimen Alor Setar sejak bulan Mei 2013 sehingga September 2016 ialah 892 projek yang melibatkan kos RM23.73 juta.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN GOOI HSIAO-
LEUNG [ALOR SETAR]**

SOALAN :

YB Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan nama projek-projek pembangunan Kedah di bawah Kementerian MOF, JPM, KKLW, KKR, MOA, dan NRE seperti yang dinyatakan dalam jawapan Menteri Jabatan Perdana Menteri kepada soalan bukan lisan parlimen saya bertarikh 26.5.2016, dan menjelaskan punca kelewatan menyiapkan projek-projek tersebut.

SULIT

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 15 November 2016, terdapat 85 program / projek yang masih dalam pelbagai peringkat pelaksanaan melibatkan kementerian berikut:

Kementerian	Bilangan Projek	Kos Projek (RM JUTA)
MOF	14	320.40
JPM	14	691.32
KKLW	33	718.89
KKR	9	474.24
MOA	10	559.90
NRE	5	2,267.86
JUMLAH	85	5,032.61

Bagi projek-projek yang dikenal pasti lewat jadual, kelewatan adalah berpunca daripada proses pengambilan balik tanah, penempatan setinggan, pengurusan kontraktor, masalah pengalihan dan pemasangan utiliti serta proses kebenaran merancang oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Sekian. Terima kasih.